



Headline : Deleum tumpu tiga perniagaan teras
 Media : Berita Harian
 Day/Date : 10 March 2008
 Page : -
 Links : -

Deleum tumpu tiga perniagaan teras

Oleh Hizral Tazzif Hisham

DELEUM Bhd, penyedia perkhidmatan hiliran dalam industri minyak dan gas, menasaskan pertumbuhan keuntungan antara 10 hingga 20 peratus setiap tahun, disokong pelaksanaan pelbagai langkah pengembangan perniagaan, termasuk penerokaan pasaran luar negara seperti Brunei dan Indonesia.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Izham Mahmud, berkata syarikat itu akan menumpukan kepada tiga perniagaan teras, iaitu bidang perkhidmatan sokongan kepada industri minyak dan gas, memasar dan menyelenggara turbin gas solar dan penghasilan bahan kimia untuk digunakan di pelantar minyak.

"Dalam perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan, kami sudah

melabur RM20 juta untuk membuka pusat perkhidmatan pertama di Senawang, Negeri Sembilan bagi menyediakan khidmat baik pulih, mengganti, membuat semula, menguji dan latihan teknikal berkaitan turbin gas solar," katanya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Deleum yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia tahun lalu meraih pendapatan RM665.6 juta dan keuntungan bersih RM27.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

Ia mengagihkan dividen awal kasar 10 sen sesaham bagi tahun kewangan berkenaan yang akan dibayarnya kepada pemegang saham April ini.

Izham berkata, Deleum kini giat menerokai pasaran bahan kimia terutama yang digunakan untuk mencairkan minyak yang tersumbat pada paip gerudi.

FAKTA NOMBOR

Deleum Bhd

RM665.6j

Pendapatan 2007

RM27.5j

Untung 2007

RM20j

Pelaburan di Senawang

"Deleum sudah melaksanakan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan bahan kimia berkenaan dengan kerjasama Petronas Research.

"Tahun lalu, bahan kimia berkenaan sudah digunakan untuk merawat 10 telaga minyak di Malaysia Timur dan ia terbukti berkesan.

"Bagi tahun ini, kami sudah merawat dua telaga minyak dan menasaskan merawat 18 lagi. Ini membuka peluang perniagaan baru kepada syarikat," katanya.

Beliau berkata, untuk menerokai pasaran antarabangsa seperti Brunei dan Indonesia, Deleum akan mengadakan usaha sama dengan syarikat dari negara berkenaan.

"Ketika ini, kami sedang berbin-bang dengan sebuah syarikat di negara itu dan dijangka dapat dimuktamadkan Jun ini," katanya.